PressReader: Utusan Borneo (Sarawak), Saturday, 31 October 2026, Page 3

Pendidikan inklusif perlu tenaga kerja khusus, berempati

Ia bukan sekadar menempat kanak-kanak keperluan khas di dalam bilik darjah biasa tanpa sokongan yang betul: Fatimah

Oleh Borhanzia Ali Basah

SIBU: Pendidikan inklusif yang sebenar menuntut tenaga kerja yang bersedia dan berempati tinggi, bukannya sekadar menempatkan kanak-kanak keperluan khas di dalam bilik darjah biasa tanpa sokongan yang betul, kata Dato Sri Fatimah Abdullah.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti itu menegaskan walaupun Sarawak sedang aktif memartabatkan pendidikan inklusif, kejayaan sebenar amat bergantung kepada warga pendidik yang dilengkapi kecekapan khusus bagi menguruskan keperluan pembelajaran individu serta cabaran tingkah laku.

"Pendidikan inklusif bukan sekadar bilik darjah di mana kanak-kanak pelbagai kebolehan duduk bersama.

"Ia adalah persekitaran pembelajaran di mana setiap kanak-kanak dialu-alukan, dihormati, disokong, dan digalakkan untuk mengambil bahagian secara bermakna," ujar beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis pelancaran Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk Pendidikan Khas di Institut Methodist Pilley (MPI) di sini, semalam.

Beliau mendedahkan guru dan pendidik awal kanak-kanak selalunya menjadi individu pertama yang melihat kelewatan atau cabaran perkembangan kanak-kanak, sekali gus menjadikan latihan khusus amat penting bagi memastikan pengenalpastian awal serta intervensi bersesuaian dapat dilaksanakan.

Menyoroti masalah kekurangan tenaga profesional berkaitan anak-anak bekerperluan khas di Sarawak, Fatimah menyeru pihak MPI agar melihat kehadapan dan mempertimbangkan untuk menawarkan kursus khusus dalam bidang terapi pertuturan, terapi cara kerja dan fisioterapi.

Beliau berkata, di Pusat Sehenti Intervensi Awal Sarawak (OSEIC) yang dibuhkan oleh kementeriannya sahaja, kini terdapat hanya seorang ahli terapi pertuturan yang berkhidmat untuk menampung bilangan kanak-kanak yang semakin meningkat, terutamanya golongan autistik yang mengalami kelewatan pertuturan.

"Apabila kami meninjau kembali sumber tempat ahli terapi pertuturan dilatih seperti di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), setiap kohort hanya mempunyai kira-kira 25 penuntut untuk seluruh Malaysia.

"Jumlah ini jelas tidak mencukupi," kata Fatimah.

Justeru, beliau menggalakkan pihak pengurusan MPI menjadikan bidang terapi pertuturan dan cara kerja sebagai sasaran pencapaian seterusnya bagi memenuhi permintaan tinggi di seluruh fasiliti intervensi awal dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) di Sarawak.

> "Ia adalah persekitaran pembelajaran di mana setiap kanak-kanak dialu-alukan, dihormati, disokong, dan digalakkan untuk mengambil bahagian secara bermakna."
>
> **Dato Sri Fatimah Abdullah**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti*

Fatimah turut memberi jaminan bahawa Kerajaan Sarawak, menerusi kementeriannya dan agensi penyedia pendidikan awal kanak-kanak milik negeri SeDidik, bersedia bekerjasama dengan MPI dengan menawarkan tempat latihan praktikal dan penempatan latihan industri kepada pelatih diploma berkenaan.

Beliau menambah, pelajar yang memerlukan bantuan kewangan untuk mengikuti program tersebut boleh disyorkan kepada Yayasan Sarawak bagi mendapatkan pinjaman pendidikan agar kekangan kewangan tidak menghalang bakal-bakal pendidik yang berdedikasi.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Michael Tiang, Pengerusi Lembaga Pengarah MPI Paul Wong Hee Kwong, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) merangkap Pengetua Institut Pilley Methodist (MPI) Dr Lu Huong Ying, Temenggung Dato Vincent Lau Lee Ming serta yang lain.



AGENDA PENDIDIKAN: Fatimah diberi penerangan oleh Dr Lu (kanan) ketika melawat kaunter pameran yang dibuka di luar dewan sempena pelancaran Program Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk Pendidikan Khas di MPI, semalam.

MPI lancar program baharu, Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Pendidikan Khas

SIBU: Institut Methodist Pilley (MPI) memperkukuh komitmennya terhadap pendidikan inklusif dengan melancarkan program baharu iaitu Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk Pendidikan Khas bagi menangani keperluan mendesak untuk pendidik terlatih dan berdedikasi di seluruh Sarawak.

Majlis pelancaran program tersebut semalam telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah.

Pengerusi Lembaga Pengarah MPI Paul Wong Hee Kwong berkata, institut itu menyedari permintaan yang tinggi di Sarawak terhadap profesional yang dilengkapi kemahiran untuk menyokong kanak-kanak yang memunyai pelbagai keperluan perkembangan.

"Setiap kanak-kanak berhak mendapat peluang untuk belajar, berkembang, dan mencapai potensi penuh mereka, tanpa kira keadaan atau keupayaan mereka," ujar Wong dalam ucapan alu-aluannya.

"Kami sedar bahawa Sarawak memerlukan lebih ramai pendidik terlatih dan berempati yang mampu menyokong kanak-kanak dengan pelbagai keperluan perkembangan, sambil berganding bahu bersama ibu bapa, keluarga, dan komuniti," katanya.

Membina asas legasi perintis dalam pendidikan awal kanak-kanak sejak tahun 2007, MPI berharap program diploma baharu ini akan memperkukuhkan lagi ekosistem pendidikan awal kanak-kanak di seluruh negeri.

Wong turut merakamkan penghargaan ikhlas kepada Fatimah dan kementeriannya atas sokongan berterusan, peranan mereka menerajui pembangunan awal kanak-kanak, serta inisiatif pendidikan inklusif di Sarawak.

Beliau berkata, MPI telah menawarkan program Diploma Kerja Sosial sejak tahun 2020, sekali gus mencerminkan komitmennya dalam menyediakan pendidikan berteraskan amali dan komuniti yang memenuhi keperluan masyarakat.

"Pada hari ini, saya ingin memohon sokongan YB Dato Sri Fatimah untuk memperkukuh kerjasama kami dengan pihak kementerian agar kita dapat bersama-sama menangani keperluan masyarakat di Sibu, Daro dan kawasan sekitarnya dengan lebih berkesan.

"Kami berharap dapat menjalin kerjasama erat dengan kementerian, Kerajaan Sarawak, pusat-pusat intervensi awal, pertubuhan masyarakat serta rakan pendidikan lain bagi memastikan program ini memberikan impak yang bermakna dan berkekalan," katanya.

Pendaftaran bagi program baharu itu kini dibuka untuk pengambilan Februari 2027.

Calon yang layak memohon ialah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan sekurang-kurangnya tiga kredit, O-Level minimum tiga gred C atau Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC) sekurang-kurangnya tiga gred B.

Program selama dua tahun setengah itu mendapat akreditasi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan memberi tumpuan kepada pendidikan khas awal kanak-kanak berkeperluan khas, kelewatan perkembangan atau ketidakupayaan melalui kurikulum bersesuaian serta sokongan intervensi individu.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Michael Tiang, Pengerusi Lembaga Pengarah MPI Paul Wong Hee Kwong, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) merangkap Pengetua Institut Pilley Methodist (MPI) Dr Lu Huong Ying, Temenggung Dato Vincent Lau Lee Ming serta yang lain.

KEMENTERIAN KOMUNIKASI

Belanjawan 2027 perkukuh kesalinghubungan digital dan ekonomi kreatif negara

Oleh Nurin Abdullah

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2027 memperkukuh komitmen Kementerian Komunikasi dalam memperluas akses digital, meningkatkan infrastruktur telekomunikasi serta membuka lebih banyak peluang kepada industri kreatif tempatan.

Di bawah kepimpinan Menteri Komunikasi Datuk Seri Fahmi Fadzil, kementerian memberi tumpuan kepada peningkatan literasi digital, pengukuhan keselamatan dalam talian dan sokongan terhadap bakat kreatif tempatan bagi memastikan manfaat pendigitalan dapat dinikmati oleh masyarakat secara menyeluruh.

Kementerian menyambut baik Belanjawan 2027 bertemakan 'Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi' yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan peruntukan RM142 juta bagi memperkukuh Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) serta lebih RM130 juta untuk menyokong sektor filem, muzik dan kandungan kreatif tempatan.

Menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), kerajaan akan melabur RM5 bilion di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi memperkukuh kesalinghubungan Internet, termasuk memperluas liputan 4G ke semua perkampungan Orang Asli.

Inisiatif itu turut merangkumi penyediaan akses Internet di sepanjang 7,000 kilometer jalan raya dan 1,700 kilometer landasan kereta api, selain pelaksanaan Kabel Dasar Laut MADANI (SALAM).

Dalam usaha mewujudkan persekitaran digital yang lebih selamat, Kempen Internet Selamat akan dilaksanakan di semua sekolah bagi menangani isu buli siber dan eksploitasi kanak-kanak.

Selain itu, peruntukan RM1 bilion bagi pelaksanaan sistem Rekod Perubatan Elektronik di fasiliti kesihatan seluruh negara akan menyokong usaha pendigitalan perkhidmatan awam.



Kredit foto: Facebook Fahmi Fadzil

Di peringkat komuniti, NADI terus memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang digital dengan menyediakan akses Internet, pembangunan kemahiran serta maklumat berkaitan inisiatif kerajaan kepada masyarakat.

Sehingga Disember 2025, sebanyak 1,099 pusat NADI beroperasi di seluruh negara dengan 1.9 juta ahli, manakala Perkhidmatan Pintar NADI merekodkan 1.4 juta penyertaan.

Lima bidang teras NADI merangkumi keusahawanan, pembelajaran sepanjang hayat, kesihatan dan kesejahteraan, kesedaran serta inisiatif kerajaan.

Melalui program keusahawanan, peserta dibimbing untuk membangunkan kemahiran perniagaan dan memanfaatkan platform dalam talian bagi memasarkan produk masing-masing.

Sejak Perkhidmatan Pintar NADI diperkenalkan, seramai 21,000 peserta telah menyertai program keusahawanan, sekali gus memperluas peluang masyarakat meneroka aktiviti ekonomi berasaskan digital.

NADI turut menyokong pembangunan pendidikan melalui program percuma NADI e-Tuisyen Rakyat yang menyediakan pembelajaran dalam talian untuk pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah.

Pelajar yang tidak memunyai komputer atau sambungan Internet bersesuaian boleh memanfaatkan kemudahan yang disediakan di pusat NADI berhampiran.

Lebih 42,000 pelajar Tingkatan Lima telah menyertai program itu menerusi hampir 1,100 pusat NADI, dengan 36 pelajar memperoleh sekurang-kurangnya tujuh gred A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terkini.

Dalam aspek kesejahteraan masyarakat, NADI turut melaksanakan 147,000 saringan kesihatan asas, selain menyediakan latihan kecerdasan buatan (AI) dan meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dalam talian.

Bagi membantu komuniti di kawasan pedalaman, program NADI on Wheels menyediakan akses Internet dan perkhidmatan digital menerusi kenderaan pacuan empat roda yang dilengkapi sambungan satelit, kemudahan Wi-Fi mudah alih serta peralatan pembelajaran mudah alih.

Pada masa sama, Kementerian Komunikasi terus memperkukuh ekonomi kreatif dengan membantu penerbit filem, pemuzik dan pencipta kandungan tempatan memperluas capaian kepada khalayak yang lebih besar.

Belanjawan 2027 menyediakan lebih RM130 juta bagi sektor filem, muzik dan kandungan kreatif, termasuk insentif untuk penerbitan filem serta animasi tempatan dan antarabangsa yang menjalankan penggambaran di Malaysia.

Insentif tambahan turut disediakan bagi menyokong penerbitan yang mengetengahkan budaya Malaysia dan nilai kebangsaan.

Kerajaan menyasarkan pembangunan 20 harta intelek (IP) baharu serta pengkomersialan watak tempatan di peringkat antarabangsa, sekali gus membuka peluang kepada karya kreatif Malaysia untuk berkembang menjadi aset komersial yang bernilai.

Mulai 2027, tiket bagi tayangan filem tempatan dan persembahan teater di Wilayah Persekutuan akan menerima pengecualian penuh duti hiburan.

Sebanyak RM10 juta turut diperuntukkan bagi penganjuran Kembara Riuh 2027 yang menyasarkan sembilan acara utama dan 28 program sampingan di seluruh negara bagi mempromosikan seni, budaya serta perniagaan kreatif tempatan.

Selain itu, RM4 juta disediakan untuk menyokong industri muzik dan acara langsung menerusi Insentif Konsert dan Acara di Malaysia, yang menawarkan rebat bagi konsert berkapasiti melebihi 10,000 penonton.

Seiring dengan perkembangan landskap digital, Fahmi turut menekankan kepentingan menyesuaikan pendekatan komunikasi kerajaan agar lebih dekat dengan golongan muda, khususnya Generasi Z dan Generasi Alpha.

Ketika menjawab pertanyaan Ahli Parlimen Syed Ibrahim Syed Noh di Parlimen pada 2025 berhubung langkah memperkukuh semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, Fahmi berkata pendekatan tradisional mungkin tidak lagi mencukupi untuk menyampaikan mesej secara berkesan.

Beliau menjelaskan bahawa corak penerimaan maklumat dalam kalangan generasi muda berbeza daripada generasi terdahulu, justeru kementerian perlu menyesuaikan kaedah komunikasi bagi menyampaikan mesej patriotisme dan kecintaan terhadap negara.

Menurutnya, pendekatan yang sebelum ini bergantung kepada taklimat dan ceramah mungkin perlu dilengkapi dengan kaedah komunikasi yang lebih dekat dengan bahasa serta minat golongan muda.

Fahmi turut mencadangkan agar ruang digital, termasuk permainan dalam talian, diteroka sebagai medium untuk mendekati golongan muda dan memupuk identiti kebangsaan yang lebih kukuh.

Pendekatan itu turut dapat dilihat menerusi penggunaan ungkapan popular dalam kalangan Generasi Z dan Generasi Alpha seperti 'meh', 'six seven' dan 'scuba' ketika sidang media, sebagai usaha berkomunikasi menggunakan rujukan budaya yang lebih dekat dengan golongan berkenaan.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim turut dilihat membuat isyarat 'six seven' ketika sambutan Hari Kebangsaan 2026, mencerminkan bagaimana ungkapan dan budaya popular golongan muda semakin mendapat tempat dalam perbualan masyarakat.

Secara keseluruhannya, inisiatif di bawah Belanjawan 2027 mencerminkan usaha Kementerian Komunikasi untuk mengimbangi pembangunan infrastruktur digital, pengukuhan komuniti dan pertumbuhan ekonomi kreatif dengan keperluan menyesuaikan komunikasi kerajaan mengikut perubahan zaman.

Tumpuan bukan sahaja diberikan kepada usaha menghubungkan rakyat dengan perkhidmatan digital dan peluang ekonomi, malah memastikan generasi muda turut terlibat dalam perbincangan mengenai patriotisme, identiti kebangsaan dan masa depan negara.



Pelajar menyertai program e-Tuisyen Rakyat percuma NADI yang menyediakan kelas dalam talian untuk pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6.



Pelajar menyertai sesi interaktif sempena Kempen Internet Selamat.

For personal use only. Printed by The Borneo Post Copyright © 2026 PressReader Inc. · http://about.pressreader.com · borhanizaalibasa